

## UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1998/99

Ogos/September 1998

SEU325/SEU420 - Perancangan Ekonomi dan Analisis Projek

Masa: [3 jam]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi SEPULUH muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini. Keseluruhan kertas soalan ini hendaklah diserahkan kepada Ketua Pengawas di akhir waktu peperiksaan.

Jawab Soalan 1 dan pilih mana-mana DUA (2) soalan lagi. Tuliskan jawapan anda di ruang kosong yang disediakan.

Soalan 1 (Wajib dijawab - 60 markah)

a) Lukiskan graf yang menunjukkan faedah bersih sekiranya output keluli di dalam sebuah ekonomi dapat dinaikkan sebanyak 10%.

(6 markah)

b) Lukiskan graf yang menunjukkan kesan permindahan sebanyak 5% penawaran simen sebuah ekonomi untuk menjayakan sebuah projek awam.

(6 markah)

- c) Apakah butir-butir berkenaan yang patut diambilkira sekiranya tabungan disalurkan dari sektor swasta melalui cukai untuk melaksanakan sebuah projek awam?

(6 markah)

- d) Apakah unsur-unsur yang diambilkira dalam kadar upah bayangan?

(6 markah)

- e) Pertumbuhan ekonomi pesat dan perlindungan alam sekitar biasanya dianggap sebagai matlamat bertentangan. Salah satu sebab adalah kegagalan pasaran di dalam barang dan perkhidmatan yang berasal daripada alam sekitar. Bagaimanakah kerajaan dapat menentukan paras penawaran yang sesuai bagi perlindungan alam sekitar itu?

(6 markah)

f) Apakah yang kita dapat mempelajari mengenai paras pencemaran mengikut Theorem Coase?

(6 markah)

g) Tunjukkan bagaimana luaran (eksternaliti) merupakan salah satu sebab kegagalan pasaran.

(6 markah)

h) Apakah yang kita dapat mempelajari mengenai saiz belanjawan awam mengikut Romer dan Rosenthal (1979)?

(6 markah)

- i) Apakah sebabnya penabungan wang untuk melaksanakan projek awam melalui cukai ikut kadar tidak membenarkan pencapaian paras utiliti di paras keluk kemungkinan utiliti?

(6 markah)

- j) Antara beberapa projek awam yang terletak di atas keluk utiliti kemungkinan, yang mana satukah harus dipilih untuk perlaksanaan?

(6 markah)

Soalan 2 (20 markah)

- a) Keluk permintaan untuk tepung di dalam sebuah ekonomi merupakan

$$Q = 1000 - 40 P$$

di mana Q merupakan permintaan tepung (kg.) dan P adalah harga tepung. Harga semasa tepung adalah RM5/kg. Apakah kesan yang akan berlaku jika kerajaan menetapkan had maksimum harga tepung di paras RM3/kg?

- b) Ekonomi tempatan menghadapi permintaan keluli sebanyak

$$Q = 2000 - 2P$$

di mana Q merupakan permintaan tepung (tan) dan P adalah harga setan keluli. Harga semasa keluli adalah RM500 setan. Jika kerajaan telah mengambil sebanyak 10% penawaran keluli tempatan untuk menjayakan sebuah projek awam, apakah kesan yang akan berlaku di dalam ekonomi?

Soalan 3 (20 markah)

Sebuah projek awam menjanakan letrik kampung dapat menghasilkan faedah sebanyak RM40 ribu setahun. Hayat mesin menjanakan letrik yang dibekalkan itu adalah hanya lima tahun. Kos mesin itu adalah RM120 ribu.

- a) Apakah faedah bersih projek itu?
- b) Jika kos mesin itu dibiayai melalui cukai sektor swasta, apakah faedah bersih projek itu sekiranya pelaburan sektor swasta secara purata dapat menerima pulangan sebanyak 10% setahun dan kadar bunga semasa adalah 8% setahun?
- c) Jika sektor swasta dapat menabung sebanyak 50% daripada keuntungannya, apakah faedah projek menjanakan letrik kampung itu?



e) kadar bayangan pertukaran wang asing

f) kehilangan luput

g) kesediaan sut membayar

h) permit boleh didagang



i) lebih pengguna

j) nilai bersih kini

k) kadar pulangan dalaman

l) barangan awam

Soalan 5 (20 markah)

Fungsi pengeluaran bagi industri pakaian sebuah ekonomi kecil adalah seperti berikut:

100 unit baju = 1 pekerja mahir/sehari + 10 perkerja tidak mahir/sehari + 10 unit barang mentah import + 50 unit barang mentah tempatan + 1 unit mesin

Kos di dalam pasaran tempatan adalah yang berikut:

Barang import	=	RM10 seunit
Barang tempatan	=	RM2 seunit
Baju	=	RM10 seunit
Mesin	=	RM100 seunit
Buruh mahir	=	RM100 sehari
Buruh tidak mahir	=	RM20 sehari

Semua barangan import akan dikenakan tarif 100% dan corak penggunaan pekerja adalah separuh untuk barangan import dan separuh untuk barangan tempatan. Apakah faedah bersih pengeluaran setiap unit baju untuk ekonomi itu? Kadar pertukaran wang asing adalah RM4 untuk US\$1.